

10 MAY 2002

Mahathir-Inggeris

KESUSASTERAAN, SAINS DAN MATEMATIK GUNA B. INGGERIS DI SEKOLAH

KUALA LUMPUR, 10 Mei (Bernama) -- Majlis Tertinggi (MT) Umno mencadangkan supaya mata pelajaran Sains dan Matematik diajar dalam bahasa Inggeris dan kesusasteraan Inggeris kontemporari diperkenalkan dari sekolah rendah.

Ini bagi meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar Bumiputera dan rakyat Malaysia, kata Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata MT bagaimanapun tidak bersetuju dengan cadangan mengadakan semula sekolah aliran Inggeris kerana ia berpendapat langkah itu tidak secocok dengan dasar pelajaran negara.

"Oleh sebab itu kita (kerajaan) akan memperkenalkan pelajaran Bahasa Inggeris secara serius dengan menggunakan kaedah baru dan pendekatan mengajar (bahasa Inggeris) dalam keadaan guru kita yang tidak banyak," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat MT di ibu pejabat Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Perdana Menteri berkata pengajaran bahasa Inggeris dengan lebih berkesan dan Matematik dan Sains yang diajar dalam bahasa itu akan membolehkan pelajar menguasai ilmu dengan lebih baik.

Beliau berkata pengajaran Sains dan Matematik di dalam bahasa Inggeris dicadang diperkenalkan secepat mungkin.

Ahad lepas, Mingguan Malaysia melaporkan desakan pelbagai pihak meminta supaya kerajaan mewujudkan semula sekolah aliran Inggeris sebagai pilihan selain beberapa pendekatan drastik lain bagi meningkatkan penguasaan bahasa itu di kalangan pelajar.

Semasa mengulas desakan itu keesokannya, Perdana Menteri berkata kerajaan sedia menimbang cadangan itu jika rakyat mahu ia dilaksanakan.

Dr Mahathir berkata Umno sedar bahawa penguasaan bahasa Inggeris amat penting bagi membolehkan penguasaan ilmu oleh penuntut Bumiputera khususnya dan rakyat Malaysia amnya.

Rakyat Malaysia perlu mempunyai asas yang kuat dan baik untuk menguasai bahasa Inggeris supaya mereka boleh bertutur dan berbahasa dengan baik, katanya.

"Sekarang kita menghadapi masalah perlu berunding dengan negara-negara lain berkenaan masalah perdagangan, perhubungan antarabangsa yang penguasaan bahasa Inggeris amat penting dan kadang-kadang kita terpaksa guna teks perjanjian dalam bahasa Inggeris.

"Kalau kita tidak faham bahasa Inggeris kita akan terperangkap dengan perjanjian yang merugikan kita," katanya.

Perdana Menteri berkata walaupun Malaysia ingin menggunakan bahasa Melayu sebagai teks rasmi perjanjian tetapi ia tidak diterima pihak lain kerana dalam perjanjian antarabangsa, kebiasaannya bahasa yang digunakan ialah bahasa Inggeris.

Penguasaan bahasa Inggeris menjadi penting bukan setakat membolehkan komunikasi tetapi bagi memahami sedalam-dalamnya bahasa itu dan berbahas mengenai istilah-istilah tertentu, katanya.

Ketika diminta menjelaskan pendirian MT yang menolak gesaan memperkenalkan semula sekolah aliran Inggeris walaupun Dr Mahathir sendiri telah meminta orang ramai memberikan respons mereka mengenai perkara itu, presiden Umno itu berkata: "Jika seluruh negara mahukannya (sekolah aliran Inggeris), bagi saya, Umno sebagai sebuah parti yang memperjuangkan hak orang ramai kita kena ikutlah, ini kita (MT) punya pendapat...pendirian

kita.

"Tapi kalau orang nak bantah dia masih boleh bantah, bukannya semua orang sokong Umno," katanya.

-- BERNAMA

HS WNZ MAD RON